KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	PERHILITAN			



GAJAH liar dalam kumpulan besar sering kelihatan di sepanjang jalan utama Ulu Tembeling dari Kuala Tahan ke Kampung Bukit Mat Daling sejak akhir-akhir ini.

HM 28 Okt 2021_8

Gajah liar 'makan angin' tepi jalan utama

Jerantut: Kawanan gajah liar dalam kumpulan besar sering kelihatan di sepanjang jalan utama Ulu Tembeling dari Kuala Tahan ke Kampung Bukit Mat Daling, sejak kebelakangan ini, sehingga merisaukan pengguna jalan berkenaan.

Dalam kejadian terbaru kelmarin, sekumpulan 30 gajah liar kelihatan berkeliaran di tepi jalan utama ke Ulu Tembeling berhampiran dengan ladang getah milik Yayasan Pahang di Kampung Kuala Sat.

Penduduk Kampung Kuala Sat, Zulkiflidin, 53, berkata, dalam kejadian pada 6 petang, dia melihat kumpulan gajah liar itu berkeliaran di tepi jalan.

"Ketika melalui jalan itu, saya terserempak dengan kawanan gajah itu yang sedang leka makan tumbuh-tumbuhan di tepi jalan.

"Walaupun setakat ini gajah itu tidak menggganggu penduduk yang melalui jalan itu, kami turut bimbang jika gajah itu akan bertindak ganas sekiranya ada penduduk mengganggu kawanannya," katanya.

> "Kami bimbang gajah itu akan bertindak ganas sekiranya ada penduduk mengganggu
> Zulkiflidin

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Kesejahteraan Kampung (JKKK) Kuala Sat, Abdul Jabar Dollah berkata, beliau sudah memaklumkan perkara itu kepada Jabatan JabatanPerlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berharap Perhilitan dapat mengambil tindakan sewajarnya demi untuk keselamatan penggguna agar tidak diganggu gajah itu.